

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]**  
**TARIKH : 22.3.2018 (KHAMIS)**  
**SOALAN :**

Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa nilai kontrak yang diberikan kepada Utusan Malaysia bagi pembekalan tablet bantuan mengajar, jumlah tablet yang perlu dibekalkan dan yang telah dibekalkan setakat ini dan jenama-jenama tablet.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian tablet bantuan mengajar bertujuan untuk membantu guru-guru mengakses pangkalan data soalan dan memudahkan mereka menyediakan latihan kepada murid-murid yang dapat digunakan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran selaras dengan teknologi abad ke-21.

Nilai kontrak yang diberikan kepada syarikat pembekal iaitu Syarikat Utusan Melayu (M) Berhad bagi pembekalan sebanyak 312,353 unit tablet bantuan mengajar adalah berjumlah RM260,261,350.00 dan jenama tablet yang dibekalkan adalah berjenama HuaWei Media Pad T17.0 dan Lenovo Tab 3 7 Essential.